

Tarikh: **7 OCT 2015** Muka Surat: **11**

<input type="checkbox"/> News Straits Times	<input type="checkbox"/> Utusan Malaysia	<input type="checkbox"/> Berita Harian	<input type="checkbox"/> Sin Chew Daily	<input type="checkbox"/> Tamil Nesan Daily
<input type="checkbox"/> NanYang Siang Pau	<input type="checkbox"/> Harian Metro	<input checked="" type="checkbox"/> Kosmo	<input type="checkbox"/> Kwong Wah Yit Poh	<input type="checkbox"/> Malaysia Namban
<input type="checkbox"/> The Star	<input type="checkbox"/> The Sun	<input type="checkbox"/> Sinar Harian	<input type="checkbox"/> China Press	<input type="checkbox"/>

Analisis Kosmo!

Obor diplomasi insani dari Malaysia di PBB

KRISIS dan pergolakan di rantau Asia Barat utamanya konflik serta peperangan di Syria dan Iraq nampaknya memberikan kesan buruk bukan sahaja di peringkat domestik negara berkenaan semata-mata tetapi ia juga telah mula menjadi polemik sedunia.

Pergerakan 'pendatang asing tanpa izin' atau 'imigran perang' yang direkodkan menjangkau hampir 500,000 orang keturunan Arab dari Syria dan Iraq yang secara besar-besaran membanjiri bumi Eropah menjadi polemik antarabangsa. Ia juga mendapat tempat dalam ucapan pemimpin dunia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut menyentuh hal ini.

Amat menyedihkan apabila kita saksikan beberapa negara tertentu di Eropah telah bertindak menutup laluan pergerakan imigran ini yang kebanyakan menyasarkan Jerman sebagai destinasi utama mereka. Bagi Malaysia yang masih aman damai dengan perlindungan keselamatan awam serta kestabilan kerajaan yang masih kukuh, harus sebagai rakyat kita bersyukur dan berusaha menghindari terjadinya konflik yang boleh menggugat keselamatan kerajaan dan membawa penderitaan awam.

Iktibar dari pergolakan kepimpinan di Syria dan Iraq wajar mendapat perhatian awam.

Gelombang konflik kepimpinan yang melanda beberapa negara Arab di Timur Tengah seperti di Iraq sejak 1990-an telah membawa campur tangan tentera asing dari Amerika Syarikat dan sekutu Baratnya masih tidak menjadikan Iraq lebih baik pasca Saddam. Malahan, satu persatu negara Arab dilanda krisis kepimpinan kononnya menuntut pendemokrasian dan penggantian kepimpinan serta kerajaan.

Atas nama demokrasi maka Mesir, Libya, Yemen serta Syria menjadi negara terjejas teruk akibat percaturan rakus ahli politik dan rakyat dalam negeri masing-masing, ditambah pula oleh percaturan strategik anasir asing dari luar negara yang dilihat memiliki kepentingan tertentu geo-strategi politik dan ekonomi antarabangsa bagi menguasai rantau berkenaan.

Malaysia selama ini sememangnya begitu terkenal



“Amat menyedihkan apabila kita saksikan beberapa negara tertentu di Eropah telah bertindak menutup laluan pergerakan imigran ini yang kebanyakan menyasarkan Jerman sebagai destinasi utama mereka

dengan sifat keinsanan yang tinggi dalam diplomasi dan hubungan antarabangnya. Lihat sahaja ketika berlakunya konflik ngeri peperangan yang melanda Bosnia setelah runtuhnya negara komunis Yugoslavia, Malaysia tidak ketinggalan membantu. Konflik pembunuhan antara kaum dan agama merangkumi penduduk Islam dengan kaum Croatia dan Serbia beragama kristian telah menyebabkan ratusan ribu nyawa melayang.

Malaysia bukan sahaja membantu menempatkan ribuan mangsa perang di Balkan berkenaan hingga wujud satu penempatan berdekatan Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang dikenali sebagai "flat Bosnia". Masih wujud ramai anak muda Bosnia di negara berkenaan yang fasih bertutur bahasa Melayu juga adalah lambang kejayaan diplomasi insan Malaysia terhadap negara bergolak.

Komitmen Malaysia di era Najib yang berjaya membantu persefahaman antara Manila dan juga komuniti Mindanao untuk mencapai perjanjian damai bagi kewujudan wilayah autonomi Islam di selatan Filipina berdekatan Sabah juga membuktikan bahawa Malaysia boleh diterima negara dunia sebagai pendorong diplomasi insan.

Dalam kes tragis kebanjiran mendadak hampir 500,000 orang pendatang asing Arab yang majoritinya beragama Islam ke Eropah akibat perang di negara sendiri, tindakan Malaysia memberi komitmen bagi membantu sekurang-kurangnya 3,000 mangsa pelarian adalah satu langkah terpuji.

Kemelut kemanusiaan di beberapa negara rantau Asia Barat wajar menjadikan kita lebih insani.

Haruslah kita lebih sayangi negara kita sendiri, sayangi kestabilan kerajaan dan negara serta menjadi agen perpaduan dan menjelmakan diri lebih patriotik bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan yang berpanjangan.

Jadikan konflik di Iraq dan Syria sebagai pedoman kepada kita di Malaysia.

● Penulis ialah Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia